

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR

BIL 01/2023

=====

**TATACARA PERMOHONAN BORANG DALAM JADUAL 1, KAEDAH-
KAEDAH TANAH SELANGOR 2003 BAGI TUJUAN
PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN DI BAWAH SEKSYEN 76
KANUN TANAH NEGARA [AKTA 828] DI PEJABAT DAERAH DAN
TANAH NEGERI SELANGOR .**


Arahan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Daerah (selepas ini disebut sebagai "PTD") mengenai Tatacara Permohonan Borang Dalam Jadual 1, Kaedah-Kaedah Tanah Selangor 2003 (selepas ini disebut sebagai KKTS) bagi tujuan pemberimilikan tanah Kerajaan di bawah seksyen 76 Kanun Tanah Negara [Akta 828] (selepas ini disebut sebagai "KTN") yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) Selangor ke 13/2022 yang diadakan pada 18 Mei 2022 yang telah disahkan oleh MMKN ke 14/2022 pada 8 dan 9 Jun 2022.

2. Tatacara Permohonan Borang Dalam Jadual 1, KKTS bagi tujuan pemberimilikan tanah Kerajaan di bawah seksyen 76 KTN (selepas ini disebut sebagai "Tatacara Permohonan") diwujudkan bagi penyelarasan dan penyeragaman proses kerja yang boleh digunakan oleh semua PTD serta boleh dijadikan sebagai salah satu mekanisme kawalan penjualan borang dalam Jadual 1 KKTS terutamanya dalam sindiket penjualan Tanah Kerajaan.

3. TATACARA PERMOHONAN

- 3.1 Pemohon hendaklah mengisi dan melengkapkan borang seperti di **Lampiran A**. Borang yang lengkap diisi diserahkan ke Unit Teknikal bagi tujuan semakan status tanah yang di mohon melalui pelan charting;
- 3.2 Borang yang telah diterima akan disemak dan seterusnya akan dihantar ke Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah) atau Penolong Pegawai Tanah Kanan atau Penolong Pegawai Daerah (Tanah) untuk kelulusan atau penolakan pembelian borang dalam Jadual 1, KKTS bagi permohonan di bawah 5 ekar;
- 3.3 Permohonan yang diluluskan akan membolehkan pemohon membuat pembelian borang dalam Jadual 1, KKTS manakala permohonan yang ditolak akan diberikan pemakluman melalui borang permohonan yang dihantar.
- 3.4 Setiap permohonan hendaklah dikemukakan berserta Kad Pengenalan pemohon manakala permohonan melalui wakil hendaklah berserta dengan salinan kad pengenalan pemohon dan surat wakil kuasa.
- 3.5 Carta Alir adalah seperti di **Lampiran B**.

4. Arahan ini berkuat kuasa **serta merta** dan semua PTD adalah diarahkan untuk mematuhi keputusan yang telah ditetapkan.


(DR. YUSRI BIN ZAKARIAH) s.m.s
Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor
Tarikh : 30 Januari 2023



**BORANG PEMBELIAN JADUAL 1, KKTS
(PERMOHONAN TANAH KERAJAAN)
PEJABAT DAERAH & TANAH _____**

A) BUTIR – BUTIR PEMOHON

1. Nama : _____
2. No. Kad Pengenalan : _____ 3. No. Tel. : _____
4. Status Tanah : Tanah Kerajaan Tanah Hakmilik/Rizab Kerajaan
Sila Nyatakan : _____
5. Tujuan Permohonan : Pertanian Bangunan Industri
6. Keluasan : _____ ekar / hektar / m.p / k.p (*Sila tanda mana yang berkaitan)
7. Mukim / Pekan / Bandar : _____
8. *Tempoh Mengusahakan Tanah (* Jika Mengusahakan) : _____

Tandatangan Pemohon

Tarikh : _____

UNTUK DIISI OLEH PEJABAT DAERAH DAN TANAH

B) ULASAN UNIT TEKNIKAL / PELAN

Status Tanah Yang Dipohon: Tanah Kerajaan Tanah Hakmilik / Rizab Kerajaan

Catatan: _____

C) ULASAN: Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah) ATAU Penolong Pegawai Tanah Kanan ATAU Penolong Pegawai Daerah (Tanah)

Disokong Tidak sokong

Ulasan : _____

(_____)

(Cop Rasmi)

Tarikh: _____

CARTA ALIR PERMOHONAN PEMBELIAN BORANG DALAM JADUAL 1

TANGGUNGJAWAB

PROSES KERJA

